

08/04/1998

Aidiladha disambut sederhana

KUALA LUMPUR, Selasa - Perayaan Aidiladha disambut sederhana oleh umat Islam di seluruh negara hari ini di tengah kegawatan ekonomi dengan menunaikan solat sunat Aidiladha dan melakukan korban.

Di Masjid Negara, ribuan warga kota termasuk pekerja asing yang tidak balik kampung bertakbir raya dan menunaikan solat sunat Aidiladha yang disiarkan secara langsung melalui TV1 RTM.

Di ALOR STAR, kemeriahan sambutan Aidiladha tetap terasa meskipun negara menghadapi kegawatan ekonomi dengan sambutan secara sederhana oleh kebanyakan umat Islam.

Umat Islam di bandar ini mengambil kesempatan bersembahyang sunat Aidiladha bersama Sultan Kedah, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Besar di Masjid Zahir, pagi ini.

Selepas solat sunat Aidiladha umat Islam dan masyarakat bukan Islam, terutama di sekitar daerah Kubang Pasu menghadiri rumah terbuka Perdana Menteri yang diadakan di Dewan Jitra, Jitra.

Di SHAH ALAM, Pemangku Raja Selangor, Tengku Idris Shah menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Negeri bersama beribu-ribu umat Islam diikuti dengan penyembelihan 20 ekor lembu.

Menteri Besar Selangor Datuk Abu Hassan Omar, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Hashim Meon dan beberapa anggota Exco Kerajaan Negeri juga turut menunaikan solat Aidiladha bersama baginda.

Di KUALA PILAH, Yang dipertuan Agong, Tuanku Ja'afar menunaikan solat Aidiladha di Masjid Tuanku Munawir di Seri Menanti dekat sini.

Turut serta Pemangku Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tunku Naquiyuddin Tuanku Jaafar dan kerabat diraja Negeri Sembilan bersama kira-kira 500 jemaah.

Di Port Dickson, Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, menunaikan solat di Masjid Kampung Baru Si Rusa.

Beliau turut mengadakan rumah terbuka di rumahnya di Kampung Baru Si Rusa mulai jam 10 pagi hingga 1 tengah hari.

Di MELAKA, Yang Dipertua Negeri, Tun Syed Ahmad Shahabuddin menyertai kira-kira 3,000 penduduk Islam lain menunaikan solat Aidiladha di Masjid al-Azim, di sini, pagi ini.

Turut hadir berjemaah bersama ialah Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Abdul Aziz Omar, ketua-ketua jabatan dan pegawai kanan kerajaan.

Sementara itu, Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin turut menunaikan solat Aidiladha di masjid berkenaan bersama-sama dengan beberapa wakil rakyat dan penduduk tempatan.

Di JOHOR BAHRU, Sultan Johor mengetuai kira-kira 3,000 umat Islam di sekitar bandar raya menunaikan solat Aidiladha di Masjid Sultan Abu Bakar di sini, pagi tadi.

Turut berangkat menunaikan solat Aidiladha ialah Tengku Mahkota Johor, Tengku Bendahara dan kerabat diraja yang lain, Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman dan beberapa anggota Exco kerajaan negeri.

Di PULAU PINANG, Yang Dipertua Negeri, Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir dan beberapa pegawai kanan kerajaan negeri menunaikan sembahyang di Masjid Negeri pada jam 8.20 pagi.

Turut hadir Ketua Polis negeri, Datuk Abdul Hamid Mustapha; Ketua Hakim Mahkamah Syariah Pulau Pinang, Datuk Sheikh Azmi Ahmad; Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Datuk Iskandar Dzakurnain Badaruddin; dan mufti Hassan Ahmad.

Di IPOH, Sultan Perak, Sultan Azlan Shah menunaikan solat raya di Masjid Negeri, di sini dan hadir sama Raja di Hilir Perak, Raja Datuk Seri Jaafar Raja Muda Musa dan Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib.

Di KANGAR, Raja dan Raja Perempuan Perlis menyertai ribuan rakyat menunaikan sembahyang sunat Aidiladha di Masjid Negeri, Arau.

Menurut Jabatan Perkhidmatan Haiwan, kira-kira 200 lembu dan kerbau disembelih sebagai korban hari ini.

Di KUALA TERENGGANU, Aidiladha disambut sederhana tetapi meriah di sekitar bandar itu.

Beberapa kampung di pinggir bandar itu seperti Gong Tok Nasik, Pulau Musang dan Beladar Aidiladha disambut lebih meriah berbanding Aidilfitri.

Orang ramai berkumpul di beberapa kawasan di sekitar kampung untuk mengadakan majlis korban selepas menunaikan solat Aidiladha pada jam 9.15 pagi ini.

Di KOTA BHARU, Sultan Kelantan bersama kira-kira 10,000 umat Islam menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Muhammadi, di sini.

Mufti Kelantan, Datuk Hasbullah Hassan mengimamkan solat itu, manakala khutbah disampaikan Timbalannya, Datuk Mohamad Shukri Mohamad.

Selepas bersembahyang, sultan menerima menghadap orang kenamaan dan rakyat di Istana Balai Besar.

Di KUANTAN, Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob menyertai kira-kira 2,000 umat Islam di bandar itu bersembahyang sunat Aidiladha di Masjid Negeri Sultan Ahmad Satu.

Mohd Khalil kemudian menyaksikan majlis korban membabitkan penyembelihan 21 lembu, anjuran Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota Kerajaan (Maksak) Pahang dengan kerjasama pengurusan masjid dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan.

Di KOTA KINABALU, Yang Dipertua Negeri, Tun Sakaran Dandai menyertai kira-kira 5,000 umat Islam menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Negeri, di Sembulan yang bermula kira-kira jam 7.45 pagi.

Sementara itu di Tawau, Timbalan Ketua Menteri, Datuk Abdul Ghapur Salleh menyertai kira-kira 15,000 umat Islam menunaikan solat Aidiladha di padang Stadium Tawau dan Ghapur kemudian mengadakan rumah terbuka di kediamannya.

(END)